



APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

20 24



RINGKASAN EKSEKUTIF & LAPORAN AWAL

HASIL PEMETAAN KEPERLUAN KOMUNITI
DI KAWASAN PARLIMEN

P.058 BAGAN SERAI

Ringkasan Eksekutif & Laporan Awal

HASIL PEMETAAN KEPERLUAN KOMUNITI
DI KAWASAN PARLIMEN

P.058 BAGAN SERAI

Penyunting Siri

Nurul Syaza Mazelan

Penulis

Dr. Thanaraj Murudi



APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

ISI KANDUNGAN

LAPORAN P.058 BAGAN SERAI (PERAK)

Kata Pengantar - Nur Rahmah Othman	I-II
Pendahuluan - Nurul Syaza Mazelan & Siti Nur Ain Zakinuddin	III- XIV

BAHAGIAN A

Laporan Lawatan Pemetaan Isu	1-10
------------------------------	------

BAHAGIAN B

Laporan Pemetaan Isu	
1.0 Pengenalan	12
2.0 Pemetaan Isu	13-41
3.0 Pengutamaan Isu	42-46



APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

KATA PENGANTAR

Nur Rahmah Othman

Pemangku Timbalan Ketua Sekretariat

Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia Mengenai Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) telah aktif sejak 2020 dalam menggerakkan agenda penyetempatan SDG di peringkat kawasan parlimen di seluruh negara. Melalui pendekatan utama pemetaan isu, APPGM-SDG menjalankan perbincangan kumpulan fokus bersama kumpulan sasaran tempatan untuk mengenal pasti cabaran mereka dan mencadangkan penyelesaian melalui projek komuniti berasaskan SDG serta intervensi dasar yang sesuai.

Dari 2020 hingga 2023, APPGM-SDG telah mengunjungi 87 kawasan parlimen. Pada 2024, inisiatif ini diperluaskan ke 30 kawasan parlimen baharu, membolehkan pasukan kami mendalami isu akar umbi dan menentukan keutamaan tempatan. Lawatan tapak ini memberikan pandangan komprehensif mengenai situasi sebenar di lapangan dan mengenal pasti penyelesaian yang diperlukan.

Hasil lawatan tersebut, 30 laporan awal pemetaan isu telah disediakan pada tahun 2024, terkandung dalam jilid bertajuk "*Ringkasan Eksekutif dan Laporan Awal: Hasil Pemetaan Keperluan Komuniti di Kawasan Parlimen 2024*". Laporan ini dipecahkan mengikut zon dan wilayah – Utara, Timur, Tengah, Selatan, Sabah, dan Sarawak – sebagaimana diperincikan dalam **Jadual 1**. Selain itu, laporan bergambar turut disertakan, memaparkan butiran lawatan tapak dan isu yang dikenal pasti. Laporan individu juga disediakan bagi memudahkan rujukan ahli Parlimen dan pihak berkepentingan untuk merujuk laporan mengikut kawasan Parlimen tertentu.

Jadual 1: Pecahan kawasan Parlimen mengikut jilid

JILID	ZON/WILAYAH	JUMLAH KAWASAN PARLIMEN	PENYELIDIK
Jilid 1	Zon Utara	9	3
Jilid 2	Zon Timur	4	3
Jilid 3	Zon Tengah	7	5
Jilid 4	Zon Selatan	4	3
Jilid 5	Wilayah Sabah	3	1
Jilid 6	Wilayah Sarawak	3	1
JUMLAH KESELURUHAN		30	

Laporan awal ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menangkap suara-suara akar umbi, termasuk emosi, keperluan, dan keutamaan masyarakat tempatan. Walaupun laporan ini tidak mengandungi transkrip penuh perbincangan kumpulan fokus, ia cukup memberikan analisis situasi yang menggambarkan realiti kehidupan komuniti di lapangan. Laporan lengkap, termasuk nota transkrip penuh, akan diterbitkan untuk rujukan Ahli Parlimen yang terlibat dan boleh diakses oleh pihak awam atas permintaan untuk kajian lanjut.

Laporan-laporan ini akan dijadikan asas untuk perbincangan lanjut di peringkat lebih tinggi di Parlimen, serta bersama agensi-agensi dan kementerian kerajaan yang berkenaan. Tujuan utama adalah untuk merangka penyelesaian yang lebih komprehensif dan mendorong perubahan dasar yang relevan bagi menangani isu-isu yang dikenal pasti.

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada ahli jawatankuasa APPGM-SDG, Ketua Sekretariat APPGM-SDG, dan pengarah-pengarah APPGM-SDG, semua Ahli Parlimen, agensi kerajaan, terutama pejabat daerah, dan pihak-pihak yang mempermudah dialog serta penyertaan dalam inisiatif APPGM-SDG pada tahun 2024.

Ucapan tahniah khas ditujukan kepada Puan Nurul Syaza Mazelan selaku penyunting siri enam jilid ini atas dedikasi beliau menyunting laporan-laporan yang disediakan oleh pasukan penyelidik APPGM-SDG. Terima kasih juga kepada para penyelidik iaitu Dr Wan Suzita Wan Ibrahim, Dr Siti Nur Ain Zakinuddin, Dr Thanaraj Murudi, Cik Siti Noraiyash Rohim, Cik Raine Melissa Riman, Dr Eva Kristin Larry Sait, Cik Nurrul Fazlina Osman, dan Cik Mc Jeanet Lempisik @ Marx serta pasukan Komunikasi Korporat APPGM-SDG, yang diketuai Cik Zoel Ng, dan khususnya Puan Maisarah Mohd Asri, Jeremiah Nathan Raj, Hirzawati Atikah Mohd Tahir dan Arif Azhad Abdul Ghaffar atas usaha kreatif dalam memastikan penerbitan bahan ini berjaya.

Semoga usaha ini terus memperkukuh langkah kita dalam mencapai pembangunan lestari untuk seluruh rakyat Malaysia.

PENDAHULUAN

Nurul Syaza Mazelan

Timbalan Pengarah Unit Penyelarasan Kawasan Parlimen

Siti Nur Ain Zakinuddin

Penyelaras APPGM-SDG Zon Pantai Timur

Penyetempatan Matlamat Pembangunan Lestari atau *Sustainable Development Goals* (SDG) dengan 17 matlamat utama merupakan satu usaha yang giat dijalankan di seluruh dunia. Kekangan perubahan iklim, ketidaksamaan sosial dan kemerosotan alam sekitar yang berterusan menggesa Malaysia untuk bertindak dengan lebih agresif terutama bagi membantu komuniti terpinggir supaya diangkat dan lebih maju ke hadapan berikutan persaingan global yang tidak menentu. Bagi Malaysia, SDG amat penting kerana ia selaras dengan wawasan negara untuk menjadi sebuah negara maju dan mampan. Komitmen terhadap SDG juga mengukuhkan kerjasama antarabangsa dan menunjukkan kepimpinan Malaysia dalam pembangunan mampan.

Pelaksanaan SDG di Malaysia meliputi pelbagai sektor, termasuk pembangunan sosial, ekonomi, alam sekitar, infrastruktur, dan tadbir urus. Antara langkah proaktif menunjukkan komitmen Malaysia untuk mencapai pembangunan yang lebih inklusif dan mampan ialah melalui penubuhan APPGM-SDG. APPGM-SDG telah berfungsi sebagai satu entiti penting yang menggerakkan penyetempatan SDG di Malaysia melalui kerjasama ahli-ahli parlimen.

Seperti tahun sebelumnya, APPGM-SDG meletakkan kajian pemetaan isu sebagai pendekatan utama dalam mendapatkan isu-isu dari komuniti akar umbi, justeru rangka kerja komprehensif ini sekali lagi diteruskan pada tahun 2024. Proses ini penting terutamanya kepada komuniti akar umbi untuk memastikan suara mereka didengari. Pihak kami telah menumpukan usaha yang berganda untuk mempertimbangkan perspektif ekonomi, alam sekitar dan sosial dari kawasan pedalaman sehingga kawasan bandar untuk memastikan tiada sesiapa ketinggalan.

Pada tahun 2024, proses pemetaan isu telah dilakukan dengan lebih mendalam melalui keterlibatan agensi Kerajaan, swasta dan juga NGO. Perbincangan bersama agensi juga menjadi satu keperluan yang memberi kesan kepada hasil analisis isu yang ditemui. Berbanding tahun sebelumnya, proses pemetaan isu tahun 2024 mengambil masa

selama lebih dua minggu untuk dijalankan sesi dialog bersama agensi. Ini adalah bagi memberi ruang dan masa untuk setiap agensi lebih bersedia dengan data dan tindakan yang telah dilakukan oleh agensi-agensi mengenai isu yang disuarakan oleh komuniti setempat.


Selain itu, adalah menjadi tanggungjawab APPGM-SDG untuk memastikan proses pemetaan isu ini mendapat persetujuan penuh dari setiap peserta terlibat, justeru setiap kali sebelum memulakan sesi dialog, kebenaran bagi merakam audio serta mengambil gambar diperolehi terlebih dahulu. Laporan yang dibukukan ini adalah bertepatan dengan input pemetaan isu sepertimana rakaman audio yang diambil semasa sesi dialog. Peserta juga dimaklumkan bahawa rakaman audio adalah bagi tujuan dokumentasi serta perbincangan inisiatif dasar dan audio akan disimpan rapi tanpa disebarkan kepada umum. Oleh itu, laporan ini tidak akan sesekali berkongsi rakaman audio yang telah dirakam bagi menjaga kepercayaan yang diberi dari peserta kepada pihak penyelidik.

Sebagai hasil kerja keras pasukan APPGM-SDG, kami berbesar hati untuk berkongsi Ringkasan Eksekutif dan Laporan Awal: Hasil Pemetaan Keperluan Komuniti Kawasan Parlimen 2024. Laporan ini disusun dalam enam jilid berbeza melibatkan Zon Utara, Zon Selatan, Zon Pantai Timur, Zon Tengah, Wilayah Sabah dan Wilayah Sarawak. Selain itu, laporan individu mengikut Parlimen juga disediakan untuk rujukan khusus mengikut parlimen tertentu.

Ketua penyelidik yang juga merupakan penulis laporan telah mengambil langkah mendokumentasikan semua isu utama diutarakan dalam sesi dialog yang telah diadakan. Justeru, laporan awal ini mengandungi input perkongsian dan luahan oleh pelbagai pihak termasuk ahli parlimen, pegawai Daerah/Jajahan, ketua komuniti dan masyarakat akar umbi. Semoga laporan ini dapat dijadikan rujukan semua pihak dalam memahami isu penduduk setempat dan memacu pembangunan lestari.

30 kawasan Parlimen telah terpilih untuk menjalankan kajian pemetaan isu dan penyetempatan SDG bagi tahun 2024 merangkumi semua zon di Semenanjung Malaysia serta wilayah Sabah dan Sarawak. Hasil pemetaan isu 30 kawasan Parlimen bagi tahun 2024 ini membawa jumlah kumulatif sebanyak 115 ahli Parlimen telah bekerjasama dengan pihak APPGM-SDG sejak tahun 2020 sehingga kini.

**KAWASAN PARLIMEN TERLIBAT
DENGAN GERAK KERJA APPGM-SDG
DARI TAHUN 2020-2024**



Laporan Awal bagi 30 kawasan Parlimen ini telah dibahagikan mengikut zon dan wilayah. Empat jilid merangkumi empat zon di Semenanjung Malaysia iaitu zon Utara, Timur, Tengah dan Selatan. Manakala, 2 jilid lagi berfokus di Wilayah Sabah dan Sarawak. Terdapat lapan penyelidik yang telah mengetahui proses pemetaan isu di kawasan Parlimen bagi tahun 2024. **Jadual 2** menunjukkan senarai penuh 30 kawasan terpilih untuk tahun 2024.

Jadual 2: Senarai 30 Kawasan Parlimen Terlibat dengan Gerak Kerja APPGM-SDG bagi Tahun 2024

BIL.	ZON/WILAYAH	NEGERI	DAERAH/BAHAGIAN	PARLIMEN	KOD	NAMA AHLI PARLIMEN	PARTI	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
1.	Utara	Perak	Pengkalan Hulu	Gerik	P054	YB Tuan Fathul Huzir bin Ayob	PN-BERSATU	Dr Thanaraj Murudi
2.	Utara	Perak	Kerian	Bagan Serai	P058	YB Datuk Idris Bin Ahmad	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
3.	Utara	Kedah	Langkawi	Langkawi	P004	YB Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Haji Abdullah	PN-BERSATU	Siti Noraiysah Rohim
4.	Utara	Perak	Perak Tengah	Parit	P069	YB Tuan Muhammad Ismi Bin Mat Taib	PN -PAS	Siti Noraiysah Rohim
5.	Utara	Pulau Pinang	Seberang Perai Utara	Tasek Gelugor	P042	YB Datuk Wan Saifulruddin Wan Jan	PN-BERSATU	Siti Noraiysah Rohim
6.	Utara	Pulau Pinang	Barat Daya dan Timur Laut	Bayan Baru	P052	YB Tuan Sim Tze Tzin	PH-PKR	Siti Noraiysah Rohim
7.	Utara	Pulau Pinang	Timur Laut	Bukit Bendera	P048	YB Puan Syerleena binti Abdul Rashid	PH-DAP	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim

BIL.	ZON/WILAYAH	NEGERI	DAERAH/BAHAGIAN	PARLIMEN	KOD	NAMA AHLI PARLIMEN	PARTI	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
8.	Utara	Perak	Perak Tengah	Pasir Salak	P073	YB Tuan Jamaludin Bin Yahya	PN-PAS	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
9.	Utara	Perlis	Negeri Perlis	Arau	P003	YB Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim	PN-PAS	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
10.	Timur	Pahang	Maran dan Temerloh	Kuala Krau	P087	YB Tuan Kamal Bin Ashaari	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
11.	Timur	Pahang	Pekan	Pekan	P085	YB Dato' Sri Sh Mohmed Puzi Bin Sh Ali	BN- UMNO	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
12.	Timur	Terengganu	Hulu Terengganu	Hulu Terengganu	P038	YB Dato' Rosol Bin Wahid	PN- BERSATU	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
13.	Timur	Kelantan	Kota Bharu	Ketereh	P026	YB Dato' Khilir Bin Mohd Nor	PN	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
14.	Tengah	Selangor	Klang	Kapar	P109	YB Dr. Hajah Halimah Ali	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
15.	Tengah	Selangor	Klang	Klang	P110	YB Tuan Ganabatirau A/L Veraman	PH-DAP	Dr Thanaraj Murudi

BIL.	ZON/WILAYAH	NEGERI	DAERAH/BAHAGIAN	PARLIMEN	KOD	NAMA AHLI PARLIMEN	PARTI	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
16.	Tengah	Selangor	Kuala Selangor	Tg Karang	P095	YB Dato' Dr. Zulkafperi Bin Hanapi	PN	Siti Noraiysah Rohim
17.	Tengah	Kuala Lumpur	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Batu	P115	YB Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran	PH-PKR	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
18.	Tengah	Selangor	Sabak Bernam	Sungai Besar	P093	YB Datuk Muslimin Bin Yahaya	PN- BERSATU	Mohamed Daniel Mokhtar
19.	Tengah	Selangor	Shah Alam	Shah Alam	P108	YB Tuan Haji Azli Bin Yusof	PH- AMANAH	Nurul Syaza Mazelan
20.	Tengah	Kuala Lumpur	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Bandar Tun Razak	P124	YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail	PH-PKR	Nurul Syaza Mazelan
21.	Selatan	Negeri Sembilan	Port Dickson	Port Dickson	P132	YB Dato' Seri Aminuddin Bin Harun	PH-PKR	Siti Noraiysah Rohim
22.	Selatan	Negeri Sembilan	Kuala Pilah	Kuala Pilah	P129	YB Dato' Adnan Bin Abu Hassan	BN- UMNO	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim

BIL.	ZON/WILAYAH	NEGERI	DAERAH/BAHAGIAN	PARLIMEN	KOD	NAMA AHLI PARLIMEN	PARTI	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
23.	Selatan	Johor	Tangkak	Ledang	P142	YB Tuan Syed Ibrahim Bin Syed Noh	PH-PKR	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
24.	Selatan	Johor	Muar, Tangkak, Segamat	Pagoh	P143	YB Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin Bin Md Yasin	PN- BERSATU	Nurul Syaza Mazelan
25.	Sarawak	Sarawak	Bau dan Lundu	Mas Gading	P192	YB Tuan Mordi Anak Bimol	PH-DAP	Raine Melissa Riman
26.	Sarawak	Sarawak	Bahagian Mukah (Daerah Mukah dan Daerah Dalat, Daerah Kecil Oya dan Balingian)	Mukah	P213	YB Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib	GPS-PBB	Raine Melissa Riman
27.	Sarawak	Sarawak	Bahagian Miri (Daerah Subis, Daerah Kecil Niah)	Sibuti	P218	YB Dato Lukanisman Bin Awang Sauni	GPS-PBB	Raine Melissa Riman
28.	Sabah	Sabah	Kota Marudu	Kota Marudu	P168	YB Datuk Wetrom Bin Bahanda	KDM	Nurrul Fazlina Osman

BIL.	ZON/WILAYAH	NEGERI	DAERAH/BAHAGIAN	PARLIMEN	KOD	NAMA AHLI PARLIMEN	PARTI	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
29.	Sabah	Sabah	Sipitang	Sipitang	P178	YB Datuk Matbali Bin Musah	GRS	Nurrul Fazlina Osman
30.	Sabah	Sabah	Kinabatangan dan Tongod	Kinabatangan	P187	YB Datuk Seri Panglima Moktar Bin Radin	BN- UMNO	Nurrul Fazlina Osman

METODOLOGI KAJIAN

Dalam proses pemetaan isu, pihak APPGM-SDG memastikan untuk mendapat persetujuan penuh daripada semua pihak terlibat secara langsung termasuk ahli Parlimen, agensi Kerajaan, dan semua peserta yang terlibat. Kajian ini melalui beberapa proses utama seperti mesyuarat awalan bersama ahli Parlimen, pemprofilan kawasan Parlimen, pra-lawatan, bersama Pegawai Daerah dan agensi Kerajaan, lawatan tapak selama tiga hari, sesi dialog bersama agensi dan pengutamaan isu bersama ahli Parlimen. Proses ini adalah penting untuk memastikan dapatan kajian dikumpul secara kumulatif dari semua pihak berkepentingan.

PROSES PEMETAAN ISU APPGM-SDG



Perbincangan yang diadakan di dalam proses ini dirakam secara audio oleh penyelidik untuk tujuan dokumentasi dan penganalisan selanjutnya. Sebelum rakaman dibuat, penyelidik juga akan memaklumkan kepada peserta tujuan rakaman dibuat dan rakaman tersebut disimpan selamat oleh pihak APPGM-SDG dan tidak boleh dikongsi secara terbuka. Maka, laporan-laporan ini dibuat adalah berdasarkan terjemahan daripada perbincangan yang telah diadakan dengan merujuk kepada audio rakaman sebagai data utama.

Kumpulan sasaran ditetapkan berdasarkan perbincangan isu awalan bersama ahli Parlimen dan agensi Kerajaan semasa pemprofilan dan pra-lawatan. Terdapat 41 kumpulan sasaran yang menjadi fokus seperti berikut:

Status Individu		Kaum Minoriti
<ol style="list-style-type: none"> 1. Kumpulan B40 / miskin tegar 2. Penduduk M40 3. Orang kurang upaya (OKU) 4. Ibu / Bapa tunggal 5. Wanita 6. Warga emas 7. Belia 8. Kanak-kanak 9. Warga asing / Pelarian 10. Tiada warganegara 11. Ketua Isi Rumah 		<ol style="list-style-type: none"> 1. Komuniti Cina 2. Komuniti India 3. Komuniti Siam 4. Orang Asli/Asal 5. Komuniti Bugis 6. Komuniti Iban 7. Komuniti Kedayan
Jenis Pekerjaan		Pendidikan
Pertanian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Petani 2. Peladang / Peneroka 3. Penoreh 4. Penternak 	<ol style="list-style-type: none"> 1. PIBG Sekolah 2. Pelajar sekolah 3. Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) 4. Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)
Perikanan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Nelayan laut 2. Nelayan darat 	
Perdagangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Peniaga 2. Penjaja 3. Pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) 4. Pengusaha Homestay 	
Perindustrian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pemilik kilang 	
Perkhidmatan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Petugas/Penyelia PPDK 2. Veteran ATM dan Polis 3. Penghulu-Penghulu Mukim 4. Pemimpin Tempatan 5. Malim gunung 	Organisasi / Persatuan
		<ol style="list-style-type: none"> 1. Badan bukan kerajaan (NGO) 2. Persatuan Sukarelawan 3. Persatuan Penduduk 4. Koperasi Komuniti

PENEMUAN KESELURUHAN

Daripada hasil penemuan pemetaan isu di semua kawasan Parlimen terpilih bagi tahun 2024, 26 isu tematik utama yang telah dikenal pasti sebelum ini masih relevan apabila terdapat isu dalam terangkuman yang sama dibangkitkan. Secara kolektifnya, antara isu yang terdesak bagi tahun 2024 yang sering diutarakan adalah berkaitan:

1. Kesukaran untuk mengakses sokongan kebajikan Kerajaan, bantuan dan subsidi
2. Masalah infrastruktur telekomunikasi
3. Kelestarian kehidupan penduduk di rumah kos rendah
4. Masalah banjir
5. Akses kepada air bersih dan terawatt
6. Keperluan pembangunan infrastruktur
7. Cabaran pembangunan ekonomi bagi sektor pertanian
8. Cabaran pembangunan belia
9. Tekanan ekonomi semasa kepada individu dan usahawan kecil tempatan
10. Pencemaran alam sekitar

Selain itu, terdapat juga isu-isu baharu yang banyak dibangkitkan dalam pemetaan isu di kawasan Parlimen 2024. Hal ini adalah kerana perubahan tren semasa dalam arus pembangunan memberi impak kepada masyarakat umum. Antara isu-isu baharu ditemui adalah seperti:

1. Keciciran pendidikan bagi pelajar B40, Orang Asal dan Orang Asli
2. Konflik manusia dan haiwan liar
3. Cabaran pendigitalan

Bagi pengkhususan isu utama yang banyak diutarakan mengikut zon dan wilayah adalah seperti yang dijelaskan di dalam Jadual 3.

ZON / WILAYAH	ISU UTAMA
Zon Utara	<ul style="list-style-type: none">• Gejala sosial• Kurang kepelbagaian peluang pekerjaan• Kos sara hidup yang tinggi• Keciciran Pendidikan• Kekurangan infrastruktur dan kemudahan asas• Masalah banjir• Pencemaran air dan udara

Zon Timur	<ul style="list-style-type: none"> • Kekurangan maklumat untuk mendapatkan bantuan • Infrastruktur yang lemah dalam bidang pertanian • Kurang pengetahuan pemasaran dalam kalangan petani • Kurang kepelbagaian peluang pekerjaan • Penghijrahan ke bandar • Kos sara hidup yang tinggi
Zon Tengah	<ul style="list-style-type: none"> • Birokrasi dan kekurangan maklumat untuk mendapatkan bantuan • Tahap pengurusan untuk kutipan sampah dan penyelenggaraan yang lemah di kawasan rumah kos rendah • Masalah banjir berpunca daripada penyelenggaraan perparitan yang lemah • Gejala sosial yang berkaitan dengan golongan belia
Zon Selatan	<ul style="list-style-type: none"> • Masalah banjir • Konflik hidupan liar dan manusia • Keciciran pendidikan • Kenaikan kos sara hidup • Kesukaran mendapatkan lesen nelayan • Kekurangan infrastruktur dan kemudahan asas
Wilayah Sabah	<ul style="list-style-type: none"> • Keciciran pendidikan kerana jarak yang jauh ke sekolah • Konflik kewarganegaraan kerana kekurangan dokumentasi • Keperluan pembangunan infrastruktur dan utiliti (jalan, telekomunikasi, bekalan air dan elektrik) • Keperluan sokongan dan bantuan penajaan pendapatan • Pengurusan kutipan sampah yang tidak efisien
Wilayah Sarawak	<ul style="list-style-type: none"> • Kurang penyelenggaraan sistem perparitan menjadi punca banjir • Penyeludupan barang di sempadan • Kualiti perkhidmatan kesihatan yang lemah • Konflik kewarganegaraan kerana kekurangan dokumentasi • Keperluan pembangunan infrastruktur dan utiliti (jalan, telekomunikasi, bekalan air dan elektrik) • Konflik pemilikan tanah • Kemerosotan identiti budaya dan bahasa • Konflik manusia – hidupan liar

BAHAGIAN A

LAPORAN

LAWATAN PEMETAAN ISU

P.058 BAGAN SERAI (PERAK)

29 - 31 Januari 2024 (Isnin - Rabu)

TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

HARI 1

- 1: Sesi Dialog bersama Peniaga
- 2: Sesi Dialog bersama Pesawah Padi & B40
- 3: Sesi Dialog bersama Komuniti India

HARI 2

- 4: Sesi Dialog bersama Nelayan Darat
- 5: Sesi Dialog bersama Nelayan Laut
- 6: Sesi Dialog bersama Ibu Tunggal

HARI 3

- 7: Sesi Dialog bersama Pekebun Sawit
- 8: Sesi Dialog bersama Pesawah Padi & Belia
- 9: Sesi Dialog bersama Ibu Tunggal

PASUKAN PENYELIDIK



Dr. Thanaraj
(Ketua Penyelidik)



James Ryan Raj



Rose Helen



Afham



Athirah

Dengan sokongan
daripada
**Ahli Parlimen
Bagan Serai,
YB Datuk Idris
Bin Ahmad**



28 Disember 2023

Mesyuarat awalan bersama YB Datuk Idris Bin Ahmad, Ahli Parlimen Bagan Serai merangkap Timbalan Presiden PAS. Pihak YB telah bersetuju untuk menetapkan tarikh lawatan pemetaan isu di Bagan Serai pada 29-31 Januari 2024.



9 Januari 2024

Dr Thanaraj dan Muhd Afham Afif telah mengadakan kunjungan hormat menemui Pegawai Daerah Kerian, Tuan Haji Mohd Sabli Bin Bakri dan juga Ketua Penolong Pegawai Daerah Kerian, Puan Rabizah Hasni Binti Muhamad.

Tujuan perjumpaan ini untuk memaklumkan lawatan pemetaan di parlimen Bagan Serai akan diadakan pada 29-31 Januari 2024. Tuan Pegawai Daerah menyambut baik kedatangan pihak APPGM-SDG dan berkenan untuk mempengerusikan inter-agensi dialog pada awal bulan Mac 2024.



1: Sesi Dialog bersama Peniaga

FGD 1: Sesi dialog ini telah diadakan di Warung Teksi Lama. Sesi ini dihadiri oleh peniaga kecil, kontraktor, pemborong dan pegawai polis.

Isu-isu yang dikenalpasti:

1. Jalan raya utama yang beralun sehingga mudah berlakunya kemalangan, isu dadah yang melibatkan belia dan pelajar sekolah, sumbang mahram di PPMS, infrastruktur kuarters polis yang perlu teruk.
2. Harga barang runcit naik mendadak seperti beras tempatan, bawang besar karachi, telur gred A,B,C. Selain itu, minyak masak paket juga tidak mencukupi menjelang tarikh (21-25 Haribulan) setiap bulan.
3. Kuota pemborong dipotong setiap tahun.
4. Lambakan jualan rahmah menjejaskan peniaga kecil. Jualan Rahmah menyebabkan peniaga yang menjual tidak mendapat keuntungan daripada harga asal.



2: Sesi Dialog bersama Pesawah Padi & B40

FGD 2: Sesi dialog ini telah diadakan di Warung Haji Hasmuni. Sesi ini dihadiri oleh petani & B40.

Isu-isu yang dikenalpasti:

1. Sistem pengaliran air ke sawah padi terbantut disebabkan pembangunan, cuaca kemarau dan banjir.
2. Tahun 2024 golongan petani diserang dengan ancaman tikus sehingga merosakkan padi tanaman mereka.
3. Kurang pemantauan daripada IADA, JPS di kawasan petani sehingga petani sukar untuk kemukakan aduan dan permasalahan yang berlaku.
4. Permohonan lesen atau geran sukar untuk dluluskan disebabkan prosedur dan syarat yang kurang tepat.
5. Kos input pertanian semakin naik.



3: Sesi Dialog bersama Komuniti India

FGD 3: Sesi dialog ini telah diadakan di Warung makanan Taman Sri Intan. Sesi ini dihadiri oleh komuniti India.

Isu-isu yang dikenalpasti:

1. Isu pekerjaan di kalangan komuniti India. Kebanyakan mereka hanya bekerja kontrak 1-2 hari dalam seminggu.
2. Urusan rumit mengenai sistem saraan pencen.
3. Oku tidak dapat jagaan yang baik dalam komuniti India
4. Isu sosial pelajar sekolah lelaki yang sering mengganggu pelajar perempuan bila sahaja tamat waktu persekolahan.



4: Sesi Dialog bersama Nelayan Darat

FGD 4: Sesi dialog ini telah diadakan di Kolam Nelayan Darat Bukit Merah. Sesi ini dihadiri oleh Nelayan Darat bersama pegawai IPD.

Isu-isu yang dikenalpasti:

1. Benih ikan yang berkurangan seperti ikan lampang, baung, ketutu dan ikan putih.
2. Pendapatan nelayan yang terlalu rendah. Peraih ikan mengambil harga terlampau murah 1Kg Ikan putih bersamaan Rm 6.00. (Termasuk ikan-ikan perkasam).
3. Harga peralatan menangkap ikan melambung tinggi seperti harga jaring pukut sebelum ini RM 18 dan sekarang telah mencecah Rm 29. Pukat buatan thailand.
4. Pencerobohan orang luar untuk mencuri hasil tangkapan nelayan darat di malam hari.
5. Orang luar meletakkan sampan/bot tanpa izin dikawasan nelayan darat.
6. Kerumitan proses memohon bantuan nelayan.
7. Kegiatan korek tanah haram di kolam yang menyebabkan air menjadi masam dan mengurangkan kuantiti ikan.



5: Sesi Dialog bersama Nelayan Laut

FGD 5: Sesi dialog ini telah diadakan di Masjid At-Taufiqiah, Kuala Gula Bagan Serai. Sesi ini dihadiri oleh Nelayan laut bersama pegawai IPD.

Isu-isu yang dikenalpasti:

1. Isu lesen nelayan laut yang sukar untuk membuat permohonan. Ada nelayan sudah membuat permohonan lesen tapi masih tidak mendapat lesen yang sah untuk menangkap ikan.
2. Bot dan peralatan menangkap ikan disita oleh Maritim akibat tidak ada lesen. Juga nelayan yang tidak ada lesen direman dan didenda sehingga RM2k.
3. Bantuan nelayan sering diagihkan kepada nelayan yang sama menerima bantuan setiap tahun walaupun ada nelayan yang lebih susah dan layak menerima bantuan tersebut. Bantuan dari segi enjin bot dan pukot.
4. Pancung kayu kerang menghalang para nelayan untuk menangkap hasil. Kadang kala pancung kayu yang berada di dalam air tanpa sedar bot nelayan melanggar dan mendapati bocor bot nelayan.



6: Sesi Dialog bersama Ibu Tunggal

FGD 6: Sesi dialog ini telah diadakan di Masjid At-Taufiqiah, Kuala Gula Bagan Serai. Sesi ini dihadiri oleh ibu tunggal laut bersama pegawai IPD.

Isu-isu yang dikenalpasti:

1. Masalah membayar rumah yang dibantu kerajaan sehingga mengakibatkan rumah ditarik balik.
2. Masalah ketiadaan pendapatan bagi warga emas kerana tidak mampu lagi bekerja.
3. Kesukaran mendapat bantuan jkm dan baitulmal.
4. Masalah kesihatan 3 serangkai (kencing manis, darah tinggi, kolesterol).
5. Harga bahan mentah yang meningkat.



7: Sesi Dialog bersama Pekebun Sawit

FGD 7: Sesi dialog ini telah diadakan di Dewan Terbuka Air Hitam, Bagan Serai. Sesi ini dihadiri oleh petani sawit, pesawah bersama pegawai IPD dan YB.

Isu-isu yang dikenalpasti:

1. Harga anak benih sawit berjauhan beza berbanding harga dulu dan sekarang.
2. Anak pokok sawit yang kecil.
3. Harga jual sawit tidak tentu.
4. Saluran air yang bersumbat di sawah.
5. Masalah tikus yang berlebihan pada tahun 2024 di sawah.
6. Tiada lesen kerana sawit ditanam di kawasan perumahan dan bergantung kepada pihak ketiga untuk menjual hasil.



8: Sesi Dialog bersama Pesawah Padi & Belia

FGD 8: Sesi dialog ini telah diadakan di Kedai Kopi Ajak (Osman), Parit Haji Taib. Sesi ini dihadiri oleh pesawah & belia bersama YB dan Pegawai YB.

Isu-isu yang dikenalpasti:

1. Air tidak cukup untuk aktiviti bendang/sawah.
2. Kesan kekurangan air kepada pesawah/sawah.
3. Kos sara hidup yang meningkat menyebabkan suami dan isteri bekerja.
4. Kenaikan harga benih padi 100%.
5. Anak muda kurang berminat menceburi bidang pertanian/sawah.
6. Isu dadah menyebabkan kes kecurian.



9: Sesi Dialog bersama Ibu Tunggal

FGD 9: Sesi dialog ini telah diadakan di Surau Ar-Rasyidin, Parit Haji Taib. Sesi ini dihadiri oleh ibu tunggal bersama YB, isteri YB dan Pegawai YB.

Isu-isu yang dikenalpasti:


1. Kenaikan harga barang keperluan yang tinggi dan membebankan.
2. Pembelian gula dan minyak yang terhad.
3. Kesukaran mendapat bantuan Baitulmal, JKM dan e-Kasih.
4. Kesukaran untuk menggunakan sistem atas talian.

BAHAGIAN B

LAPORAN PEMETAAN ISU

P.058 BAGAN SERAI (PERAK)

2.0 PENGENALAN

<p><i>Kajian pemetaan isu bagi tahun 2024 di Parlimen Bagan Serai ini diadakan dengan usahasama daripada YB Datuk Idris bin Ahmad dari parti Perikatan Nasional (PN).</i></p>		 <p>YB Datuk Idris bin Ahmad</p>																								
Parlimen	P 058																									
Kawasan	Bagan Serai																									
Negeri	Perak																									
Jumlah penduduk	80293 orang																									
	<table border="1"> <thead> <tr> <th>BIL.</th> <th>KAUM</th> <th>BIL.</th> <th>% BIL.</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Bumiputera</td> <td>63197</td> <td>78.71</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Cina</td> <td>10186</td> <td>12.7</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>India</td> <td>6907</td> <td>8.6</td> </tr> <tr> <td>4.</td> <td>Lain-lain</td> <td>3</td> <td>0</td> </tr> <tr> <td colspan="2">JUMLAH KESELURUHAN</td> <td>80293</td> <td>100.00</td> </tr> </tbody> </table>		BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.	1.	Bumiputera	63197	78.71	2.	Cina	10186	12.7	3.	India	6907	8.6	4.	Lain-lain	3	0	JUMLAH KESELURUHAN		80293	100.00
BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.																							
1.	Bumiputera	63197	78.71																							
2.	Cina	10186	12.7																							
3.	India	6907	8.6																							
4.	Lain-lain	3	0																							
JUMLAH KESELURUHAN		80293	100.00																							
	<p>Sumber: Pusat Khidmat Parlimen Bagan Serai, 2024.</p>																									
Kegiatan ekonomi utama	<ul style="list-style-type: none"> • Industri asas tani dan perladangan: Pesawah, pesawit • Perikanan: Nelayan laut, nelayan darat • Pengeksport utama ikan hiasan: Ikan arowana 																									
Pasukan kajian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dr Thanaraj Murudi : Ketua Penyelidik 2. En James Ryan Raj: Pengarah Kanan Pasukan Sokongan 3. En Muhammad Afham Muhammad Afif: Pembantu Penyelidik 4. Cik Nik Athirah Abdul Ghani: Pembantu Penyelidik 5. Cik Rose Helen Ambrose: Pembantu Penyelidik 																									

2.0 PEMETAAN ISU

Terdapat 9 FGD dan 2 lawatan tapak telah dijalankan bersama komuniti tempatan dan NGO selama 3 hari di kawasan lokaliti Parlimen Bagan Serai dan 1 sesi dialog dijalankan bersama agensi kerajaan selama setengah hari di Pejabat Daerah dan Tanah Kerian, Parit Buntar.

TARIKH	PERKARA
29 Januari 2024 , Isnin	<ul style="list-style-type: none">• Dialog bersama Peniaga• Dialog bersama Pesawah Padi & B40• Dialog bersama Komuniti India
30 Januari 2024 , Selasa	<ul style="list-style-type: none">• Dialog bersama Nelayan Darat• Dialog bersama Nelayan Laut• Dialog bersama Ibu Tunggal Nelayan• Lawatan Tapak ke Kolam Udang Kuala Gula• Lawatan Tapak ke Jeti Nelayan Bukit Merah
31 Januari 2024 , Rabu	<ul style="list-style-type: none">• Dialog bersama Pekebun Sawit• Dialog bersama Pesawah Padi & Belia• Dialog bersama Ibu Tunggal
6 June 2024 , Khamis	<ul style="list-style-type: none">• Dialog bersama agensi kerajaan

PENEMUAN KAJIAN

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
ISU SOSIAL			
Kesukaran untuk menggunakan sistem atas talian	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk Parit Haji Taib dan Selinsing 	<ul style="list-style-type: none"> • Kerajaan melaksanakan penggunaan dalam talian untuk permohonan bantuan dan sebagainya tetapi mereka menghadapi kesukaran menggunakan sistem atas talian. • Ini kerana mereka tidak berhenti menggunakan sistem atas talian dan terpaksa bergantung kepada bantuan anak-anak mereka dan masih ada yang tidak berjaya untuk mendapatkan bantuan kerajaan seperti bantuan e-Madani. • Masalah internet juga menjadi halangan kepada masyarakat untuk menggunakan sistem atas talian khususnya di kawasan Selinsing. 	<p>Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM) Pihak JKM sedang memperluaskan cara untuk memudahkan permohonan bantuan. Masyarakat juga boleh hadir terus ke pejabat untuk berurusan dengan lebih cepat dan akan dibimbing oleh pegawai JKM.</p>
Taman permainan di kuarter polis Ibu Pejabat Polis (IPD) Kerian tidak diselenggara	<ul style="list-style-type: none"> • Kwarters Ibu Pejabat Polis (IPD) Kerian 	<ul style="list-style-type: none"> • Papan luncur yang pecah, peralatan yang telah berkarat dan reput seperti jongkang jongket dan buaian. • Taman permainan juga tidak diselenggara dengan baik sehingga mengakibatkan kanak-kanak sering terjatuh dan adanya juga kes patah tangan pernah berlaku dalam kalangan kanak-kanak ini. 	<p>Polis Diraja Malaysia (PDRM) Pihak kerajaan telah meluluskan bajet untuk pembaikan infrastruktur di Kwarters Ibu Pejabat Polis (IPD) Kerian dan proses penyelenggaraan akan berlaku dalam masa terdekat.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<ul style="list-style-type: none"> • Taman permainan ini merupakan tumpuan utama kanak-kanak pada waktu petang. • Penduduk di kuarters ini mempunyai anggaran seramai 240 orang yang terdiri daripada bujang dan sudah berkeluarga. • Dilaporkan bahawa keadaan taman permainan adalah lebih teruk berbanding dengan keadaan jalan yang berlubang. • Pernah memberi aduan kepada YB Parlimen terdahulu, lebih kurang 3 tahun lepas, namun tiada tindakan dan perubahan yang dilakukan. 	
Keadaan infrastruktur kuarters polis di Ibu Pejabat Polis (IPD) Kerian tidak diselenggara	<ul style="list-style-type: none"> • Kuarters Ibu Pejabat Polis (IPD) Kerian 	<ul style="list-style-type: none"> • Keadaan infrastruktur kuarters polis yang tidak diselenggara dengan baik. • Jalan raya dalam kuarters polis dengan lopak lubang yang teruk. • Usaha pembaik pulih seperti tampalan telah dilakukan namun jalan ini akan kembali berlubang selepas 2-3 bulan. • Faktor yang menyebabkan ia cepat rosak adalah kualiti tar yang digunakan. 	<p>Polis Diraja Malaysia (PDRM) Pihak kerajaan telah meluluskan bajet untuk pembaikan infrastruktur di Kuarters Ibu Pejabat Polis (IPD) Kerian dan proses penyelenggaraan akan berlaku dalam masa terdekat.</p>
Kes sumbang mahram yang semakin meningkat	<ul style="list-style-type: none"> • Penempatan Penduduk Masyarakat Setempat (PPMS) Bukit Merah 	<ul style="list-style-type: none"> • Masalah sumbang mahram seringkali dilaporkan daripada kawasan perumahan golongan orang susah di PPMS Bukit Merah. 	<p>Polis Diraja Malaysia (PDRM) Sepanjang tahun lepas, hanya terdapat 2 kali tangkapan dilakukan kerana hanya dua laporan yang diberikan.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<ul style="list-style-type: none"> • Isu ini berlaku dalam kalangan adik beradik yang kebanyakannya berpunca daripada abang dan golongan belia kawasan sekitar. • Penguatkuasaan telah dilakukan oleh pihak polis dan jabatan agama dengan membuat serbuan dan tangkapan. • Suspek melibatkan lelaki dan perempuan dan ditahan ke dalam penjara. • Namun tangkapan hanya boleh dilakukan sekiranya mendapat laporan daripada penduduk sekitar. 	<p>Pergerakan pihak polis dan jabatan agama hanya terbatas daripada aduan yang diterima.</p>
<p>Penyalahgunaan dadah</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Belia Bagan Serai • Kawasan sekitar Gunung Semanggol 	<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat banyak kes dadah berlaku dalam kalangan anak muda di kawasan Gunung Semanggol. • Penagih kebiasaannya adalah budak lepasan sekolah dan hanya segelintir sahaja yang dilaporkan daripada kalangan budak sekolah. • Kes dadah ini telah membawa kepada berlakunya kes sosial yang lain seperti curi motor dan pecah masuk rumah. • Tiada tempat spesifik yang menjadi target penagih tapi kecurian ini boleh berlaku di semua kawasan parlimen Bagan Serai termasuk perumahan kampung kampung dan taman-taman. 	<p>Polis Diraja Malaysia (PDRM)</p> <p>Kes penyalahgunaan dadah dianggap terkawal berbanding kawasan parlimen lain namun penangkapan berlaku setiap hari dengan jumlah 4-5 orang yang ditangkap.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Purata jenayah ragut (kes samun) di kawasan bandar meningkat	<ul style="list-style-type: none"> Bandar Bagan Serai 	<ul style="list-style-type: none"> Berlakunya jenayah ragut minimum 2 kali dalam seminggu dan adalaknya berlaku setiap hari. Puncanya ialah kenaikan kos sara hidup dan penagih dadah yang memerlukan wang untuk membeli dadah. Yang menjadi mangsa adalah semua golongan tidak kira pelajar, warga emas dan sebagainya. 	<p>Polis Diraja Malaysia (PDRM)</p> <p>Pihak PDRM menyangkal kenyataan tersebut. Mengikut statistik rasmi pihak PDRM purata jenayah di daerah Kerian terkawal dan tidak seperti yang dimaklumkan.</p>
Kes lumba haram dalam kalangan pelajar sekolah dan belia masih tidak terkawal walaupun ada operasi	<ul style="list-style-type: none"> Belia Bagan Serai Lebuh raya Alor Pongsu dan Bukit Merah 	<ul style="list-style-type: none"> Walaupun ada operasi setiap minggu (hari minggu), lumba haram tetap ada kerana mereka mula berlumba selepas operasi tamat walaupun lewat malam/awal pagi. Pelajar sekolah dan belia terlibat dalam perlumbaan haram. Mereka tertarik dengan kawan dan kurang perhatian daripada ibu bapa kerana ibu dan bapa terpaksa bekerja untuk menampung kos sara hidup yang semakin meningkat dan tiada masa untuk memantau anak-anak mereka. 	<p>Polis Diraja Malaysia (PDRM)</p> <p>Pihak PDRM bersama pihak Jabatan Pengangkutan Jalan Raya (JPJ) mempergiatkan operasi sekatan jalan raya untuk membanteras kejadian lumba haram. Sekatan jalan raya juga kerap dilakukan dalam setiap minggu.</p>
Kekurangan tempat tumpuan dan aktiviti	<ul style="list-style-type: none"> Seluruh kawasan Bagan Serai 	<ul style="list-style-type: none"> Wakil rakyat dan pegawai parlimen perlu fokus untuk menjadikan Bagan Serai sebagai tumpuan 	<p><i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i></p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
perkelahan di Bagan Serai		<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan Bagai Serai ini tidak menjadi tempat tumpuan dan rakyat Bagan Serai keluar ke tempat lain untuk bekerja. • Pemasaran yang tidak mencukupi di Bukit Merah Laketown dan tempat mendaki gunung di Gunung Semanggol. • Dicadangkan untuk melanjutkan masa operasi Gerbang Malam sehingga awal pagi dan mengadakan perniagaan kecil-kecilan seperti 'food truck' di Sg. Gedung (kereta api lama). 	
Warga asing Rohingya yang keterlaluan dan membawa banyak masalah di Bagan Serai	<ul style="list-style-type: none"> • Seluruh kawasan Bagan Serai (khususnya di Masjid Tinggi Bagan Serai dan Parit Haji Aman. 	<ul style="list-style-type: none"> • Warga asing Rohingya berlebihan dan membawa banyak masalah sosial, ekonomi dan alam sekitar di Bagan Serai. • Mereka ini tidak berpelajaran dan membuat kerja-kerja buruh dan buat/bina rumah. • Menunggang motosikal tetapi tiada lesen dan tak pakai helmet. • Tempat tumpuan atau tempat tinggal mereka adalah Masjid Tinggi. • Mereka ini juga membuat kebun dengan menggunakan tahi ayam yang menjejaskan peniaga-peniaga bersekitaran kerana bau busuk dan lalat. 	<p>Polis Diraja Malaysia (PDRM)</p> <p>Pihak berkuasa sering memantau situasi ini dan telah mengambil beberapa tindakan untuk membendung aktiviti jenayah yang datang dari pendatang warga asing.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<ul style="list-style-type: none"> Selain itu, mereka membuang sampah dalam sungai dan menyebabkan pencemaran sungai. 	
ISU EKONOMI			
Peluang pekerjaan kepada belia adalah terhad	<ul style="list-style-type: none"> Penduduk Bagan Serai Sekitar di Kawasan Bagan Serai 	<ul style="list-style-type: none"> Tiada kilang/industri di Bagan Serai dan pekerja asing yang ditempatkan untuk bekerja di kedai, dan pasaraya. Disebabkan peluang pekerjaan yang terhad, para belia berhijrah ke luar negeri dan ada juga yang ulang-alik setiap hari dari Bagan Serai ke Parit Buntar, Taiping dan Penang Kilang yang terdapat di Bagan Serai adalah hanya kilang beras dan tidak perlukan ramai tenaga kerja. Golongan belia yang terjejas dan isu ini masih tidak diselesaikan walaupun sudah bertahun-tahun. 	<p>Penolong Ketua Pegawai Daerah (KADO)</p> <p>Pelan Induk Taman Perindustrian Hijau Bersepadu Kerian (KIGIP) yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 15 Jun 2024 di Bagan Serai memperlihatkan kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Perak dalam mengembangkan sektor Perindustrian di utara Perak telah diumumkan dalam Belanjawan 2024. Projek ini, yang terletak di daerah Kerian, akan menggunakan teknologi hijau untuk penjaan tenaga di kawasan seluas 404.6 hektar. Pelan Induk KIGIP sedang dibangunkan dengan kerjasama beberapa pihak termasuk SD Guthrie Berhad dan Permodalan Nasional Berhad (PNB), dengan rancangan untuk menjadikan</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			tenaga solar sebagai sumber tenaga utama. KIGIP dijangka merangsang aktiviti ekonomi, mencipta peluang pekerjaan mahir, dan menarik pelaburan berkualiti dalam sektor seperti elektrikal, elektronik, ICT, dan industri berasaskan pengetahuan.
Kuranganya minat dalam kalangan anak muda untuk meneruskan kegiatan bersawah	<ul style="list-style-type: none"> • Anak muda petani/pesawah • Belia di sekitar Bagan Serai 	<ul style="list-style-type: none"> • Kegiatan bersawah dianggap tidak memberikan pulangan yang memberangsangkan kepada golongan anak muda. • Pendapatan pesawah padi yang hanya boleh diperolehi apabila habis satu musim, anggaran 6 bulan, tidak dapat menarik minat anak muda untuk meneruskan kegiatan bersawah ini. • Mereka lebih tertarik untuk bekerja di kilang dan pasaraya yang lebih menawarkan pendapatan yang tetap secara bulanan. • Kerisauan berlaku dalam kalangan pesawah kini apabila tiada bantuan boleh diminta daripada golongan anak muda. 	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Kemampuan untuk menyara kos kehidupan amat rumit	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk B40 Bagan serai • Ibu tunggal • Sekitar Bagan Serai 	<ul style="list-style-type: none"> • Ada yang bagi bil utiliti kepada Pejabat Parlimen untuk membayarnya kerana mereka tak mampu bayar. • Mereka yang berpendapatan rendah khususnya ibu tunggal dan warga emas tidak dapat menampung perbelanjaan ini. • Gaji, pencen atau bantuan Baitulmal yang diperolehi itu tidak mencukupi. • Warga emas juga terjejas kerana mereka tak nak menyusahkan anak-anak mereka ataupun mereka masih bujang dan ada yang tinggal bersama dengan anak tetapi tak nak membebankan anak kerana mereka memahami keperluan mereka. • Masalah ini adalah masalah yang berterusan. 	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i>
Kekangan untuk melakukan simpanan kewangan	<ul style="list-style-type: none"> • Ibu tunggal • Warga emas • Penduduk sekitar kawasan Bagan Serai 	<ul style="list-style-type: none"> • Pendapatan yang diperolehi hanya mencukupi untuk perbelanjaan harian dan pembelian tanaman baru. • Tiada simpanan dapat dilakukan kerana pendapatan digunakan untuk menampung perbelanjaan harian dan persediaan untuk menanam padi pada musim baru. • Disebabkan oleh kos modal yang tinggi, ada pesawah terpaksa menggunakan 	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>simpanan sedia ada untuk menampung kos perbelanjaan dan pembelian.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pesawah juga tidak lagi mempunyai wang simpanan lebih untuk penambahbaikan hasil pertanian mereka. 	
<p>Kurangnya insentif untuk anak muda menceburi kegiatan pertanian</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Belia Bagan Serai 	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada pendedahan maklumat dan pendidikan tentang ilmu pertanian untuk anak muda mengenali/memulakan pertanian. • Orang muda melaporkan adanya segelintir anak muda berminat dalam menyertai pertanian namun tiada pendedahan pendidikan dan galakan yang diberikan. • Tiada program yang dijalankan daripada Kementerian Pertanian untuk memberi gambaran ketiadaan beras dan padi serta tunjuk ajar memulakan pertanian. • Terdapat anak muda yang menunjukkan minat tetapi tidak meneruskannya kerana adanya kekangan seperti tanah, modal dan pengetahuan yang tidak mencukupi serta bimbang akan kerugian yang bakal berlaku. 	<p><i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i></p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<ul style="list-style-type: none"> • Anak muda mencadangkan supaya diadakan kursus dan bengkel pertanian untuk anak muda untuk memulakan aktiviti pertanian. • Serta adanya insentif pajakan tanah kerajaan yang terbiar untuk memberi peluang kepada petani tanpa tanah memulakan aktiviti pertanian. • Menjemput ikon-ikon dalam bidang pertanian untuk memberi tunjuk ajar kepada anak muda. 	
Kegiatan aktiviti haram menyebabkan jumlah ikan berkurangan	<ul style="list-style-type: none"> • Nelayan laut • Nelayan darat • Kawasan Kuala Gula • Kawasan Bukit Merah 	<ul style="list-style-type: none"> • Operasi haram Bubu Naga yang mengancam hasil tangkapan nelayan. • Kegiatan penangkapan menggunakan Bubu Naga ini dilakukan di tengah laut dan telah bermula sejak tahun lepas. • Hasil daripada bubu ini boleh mencecah RM50-60k sekali tangkapan. • Penggunaan ini menyebabkan hasil laut menjadi kurang dan mematikan anak-anak ikan kecil. • Aduan telah dilakukan namun tiada tindakan telah diambil. 	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Kos sara hidup yang semakin meningkat	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk Bagan Serai • Ibu tunggal • Masyarakat B40 • Seluruh kawasan Bagan Serai (Kebanyakan warga asing Rohingya dan Myanmar menetap di kawasan Masjid Tinggi, Bagan Serai). 	<ul style="list-style-type: none"> • Kedai makanan kekurangan bekalan beras tempatan, gula bersubsidi dan minyak paket bersubsidi dan meningkatkan harga makanan. • Ini kerana barang-barang ini dijual kepada warga asing sebab mereka menetap di sini dan menguruskan/bekerja di kedai dan pasaraya. • Oleh itu, warga tempatan/peniaga terpaksa membeli beras import, gula premium dan minyak botol. Ini menyebabkan harga makanan meningkat. 	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i>
Modal untuk melakukan pertanian semakin tinggi	<ul style="list-style-type: none"> • Petani/pesawah sekitar kawasan pertanian Bagan Serai 	<ul style="list-style-type: none"> • Peningkatan kos asas untuk melakukan kegiatan sawah. • Terdapat peningkatan harga modal asas untuk melakukan kegiatan bersawah daripada RM1000 kepada RM1500. • Pesawah perlu menyewa bendang sebanyak RM400/ekar untuk satu musim. • Kos pembelian racun juga naik mendadak apabila satu racun sahaja tidak cukup menyelesaikan masalah pesawah yang pelbagai seperti rumput dan ulat. 	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<ul style="list-style-type: none"> • Pesawah perlu membeli lebih daripada satu racun yang meningkatkan kos perbelanjaan racun yang dulunya hanya RM50 sekarang menjadi RM100. • Harga benih juga naik 50%. Bagi pesawah yang sudah berusia, kos membayar upah juga perlu diambil kira yang beranggaran RM30 untuk satu ekar. 	
<p>Hasil pendapatan daripada kegiatan bersawah semakin merosot</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Petani/Pesawah sekitar kawasan Bagan Serai 	<ul style="list-style-type: none"> • Pendapatan merosot kerana hasil padi yang semakin berkurang. • Informant memaklumkan bahawa hasil padi semakin berkurangan iaitu tanah yang seluas 24 ekar dulunya boleh mendapat pulangan melebihi 20 tan, namun sekarang hanya boleh mendapat 15 tan sahaja. • Antara faktor yang menyebabkan pengurangan hasil ini adalah serangan penyakit dan kekurangan sumber 7 air. • Selain itu, dilaporkan juga bahawa pesawah tidak dapat memberikan kualiti padi yang lebih baik kerana tidak mampu untuk membeli barang yang mahal. 	<p><i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i></p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<ul style="list-style-type: none"> • Kos modal yang tinggi juga menyebabkan pesawah akhirnya kerugian untuk melakukan kegiatan ini. 	
Tiada bantuan secara bulanan untuk petani	<ul style="list-style-type: none"> • Petani sekitar Bagan Serai 	<ul style="list-style-type: none"> • Bantuan diberikan per musim iaitu 6 bulan • Petani meluahkan rasa tidak puas hati apabila bantuan yang diberikan kepada para pesawah hanyalah RM600/musim, sedangkan adanya pekebun getah dan nelayan yang mendapat bantuan bulanan. • Selain itu, petani juga melaporkan tidak menerima sebarang insentif apabila musibah pendapatan berlaku dalam kalangan pesawah. • Petani telah pun memberikan aduan ini kepada ahli parlimen agar dapat disuarakan di dewan parlimen. 	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i>
Kualiti racun di pasaran yang tidak efektif	<ul style="list-style-type: none"> • Petani sekitar kawasan Bagan Serai 	<ul style="list-style-type: none"> • Dos yang ditulis pada label racun tidak cukup untuk merawat permasalahan pesawah sehingga mereka perlu menggandakan dos yang diberikan untuk menjamin keberkesanan racun itu. • Petani melaporkan bahawa para petani menggunakan dos yang lebih daripada label arahan untuk menjamin keberkesanan kepada tanaman mereka. 	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<ul style="list-style-type: none"> • Sebagai contoh, label mengatakan sehektar memerlukan sebotol racun, namun pada hakikatnya petani perlu menggunakan dua botol racun untuk kawasan sehektar tanah. • Keadaan ini menyebabkan petani perlu mengeluarkan kos yang lebih untuk membeli racun. • Petani memberikan pendapat bahawa Kementerian Pertanian boleh membuat penilaian semula kepada syarikat racun dan mengkaji semula kandungan racun sama ada selari atau tidak dengan yang ditulis pada label. • Pergerakan jentera padi menjadi lambat untuk ke Parit sebelah. Jentera seberat melebihi 10 tan dan apabila melalui jalan kampung dengan kerap telah menyebabkan mendapan jalan berlaku. • Hal ini jika tidak dicegah boleh menyebabkan risiko tanah runtuh dan parit terkanbus di bawah. Dimaklumkan bahawa limit berat untuk jalan di kampung adalah 5 tan. 	

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Tiada kemudahan lintasan mesin jentera padi	<ul style="list-style-type: none"> Pemandu jentera sawah padi 	<ul style="list-style-type: none"> Jentera padi perlu melalui jalan yang jauh kerana tiada lintasan untuk menyeberangi parit. 	<p><i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i></p>
Sekatan pembelian minyak dan gula di sesetengah kedai runcit	<ul style="list-style-type: none"> Semua kedai runcit di pekan Selinsing 	<ul style="list-style-type: none"> Pemilik kedai dilaporkan meletakkan syarat sekiranya mahu membeli minyak harus membeli barang lain. Pembelian banyak hanya kepada pelanggan tetap. Tiada aduan dilakukan. Masalah ini mula berlaku 3-4 bulan selepas isu stok minyak dan gula tak cukup stok. 	<p>Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Pengguna (KPDNKP)</p> <p>Pemantauan sering dilakukan dari masa ke masa dan juga waktu musim perayaan. Sekiranya terdapat aduan boleh disalurkan kepada pihak KPDNKP melalui telefon and aduan elektronik.</p>
Keuzuran bot	<ul style="list-style-type: none"> Nelayan Bukit Merah & Kuala Gula 	<ul style="list-style-type: none"> Bot telah digunakan telah terlalu lama, dan telah mempunyai kerosakan dan reput. Terdapat nelayan darat yang masih menggunakan botnya selama 30 tahun. Tiada dana untuk membeli bot baru. Bot baru dikatakan berharga melebihi RM1000. Oleh yang demikian, nelayan mengambil inisiatif untuk membaiki dan menampal sendiri setiap kerosakan yang terjadi. 	<p><i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i></p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Kos peralatan nelayan seperti jaring/pukat, enjin bot dan petrol adalah tinggi	<ul style="list-style-type: none"> • Nelayan darat tasik Bukit Merah 	<ul style="list-style-type: none"> • Nelayan membelanjakan lebih kurang RM5,000 setahun untuk membeli peralatan nelayan. • Permintaan untuk mendapatkan subsidi/bantuan telah dibuat lebih kurang 5 - 6 tahun dahulu, tetapi tidak ada maklum balas sehingga hari ini. • Kos pembelian bot adalah RM2,500 dan enjin bot fiber 1 (15 cc - 'Horsepower'/kuasa kuda adalah RM7,300. 	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i>
Pendapatan nelayan semakin berkurangan dan tidak tetap	<ul style="list-style-type: none"> • Nelayan laut • Nelayan darat • Kolam Bukit Merah 	<ul style="list-style-type: none"> • Jumlah ikan yang berkurang menyebabkan nelayan mempunyai pendapatan harian yang tidak menentu. • Terdapat hari nelayan tidak mendapat hasil langsung. • Antara faktor berkurangnya ikan adalah disebabkan oleh air masam yang tidak disukai ikan. • Air masam ini berpunca daripada jenis tanah gambut dan aliran air yang turun daripada bukit secara semula jadi. • Selain itu pelepasan 200,000 ekor benih ikan yang hanya berlaku pada tahun lepas dan dipercayai telah berkurang dan perlu dilakukan lagi sekarang. 	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Proses permohonan bantuan untuk nelayan rumit	<ul style="list-style-type: none"> • Nelayan laut • Nelayan darat • Sekitar kawasan Bagan Serai 	<ul style="list-style-type: none"> • Permohonan bantuan memerlukan pelbagai borang yang perlu di ambil di tempat yang berbeza. • Nelayan memaklumkan bahawa pelbagai borang yang perlu diisi daripada agensi yang berada di berbeza tempat. • Setiap agensi ini berada jauh daripada kolam bukit merah, seperti di Bagan Serai dan Parit Buntar. • Proses menguruskan permohonan ini melebihi satu hari dan merugikan masa nelayan ini untuk keluar menangkap ikan. 	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i>
Pengeluaran lesen nelayan yang terhad	<ul style="list-style-type: none"> • Nelayan di sekitar kawasan Bagan Serai 	<ul style="list-style-type: none"> • Lesen hanya mempunyai lima tempat dalam masa 5 tahun sahaja • Nelayan memberikan rungutan tentang kesukaran untuk memohon lesen dan kad 19 nelayan. • Syarat memohon adalah ketat seperti memerlukan bot dan jala sendiri. 	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan</i>
Tiada rumah untuk generasi kedua nelayan	<ul style="list-style-type: none"> • Generasi ke-2 nelayan laut • Kampung Tersusun Kuala Gula 	<ul style="list-style-type: none"> • ¾ keluarga tinggal di dalam satu rumah • Bantuan perumahan untuk para nelayan hanya diberikan kepada generasi pertama nelayan sahaja. 	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan</i>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<ul style="list-style-type: none"> • Generasi kedua dan ketiga menghadapi kesukaran untuk memiliki tanah dan rumah sendiri sehingga mengakibatkan mereka tinggal bersama-sama dalam satu rumah. • Permohonan telah diminta berkali-kali dan malah melebihi 20 tahun namun tiada makluman dan perubahan yang mereka dapat. • Perkongsian rumah bagi keluarga yang ramai menimbulkan perasaan tidak selesa terutama dalam kalangan wanita, sering berlaku pertelingkahan dan perebutan ruang di rumah seperti dapur dan bilik air. 	
Kesulitan mendapatkan lesen untuk menanam sawit	<ul style="list-style-type: none"> • Pesawit • Kampung Air Hitam 	<ul style="list-style-type: none"> • Lesen gagal diberikan kerana kawasan yang ditanam sawit adalah merata dan tidak mengikut piawai yang tertera di dalam geran tanah. • Kebanyakan penduduk di kampung ini menanam 4-5 pokok sawit di sekeliling rumah mereka. • Mereka merupakan pesawah padi tetapi disebabkan lamanya masa yang diambil untuk padi memberikan hasil (6 bulan), 	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan</i>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>mereka mula menanam kelapa sawit sebagai pendapatan harian dan bulanan).</p> <ul style="list-style-type: none"> • Terdapat penduduk yang menanam pokok sawit di celah tanaman padi. Mereka gagal mendapat lesen kerana kawasan yang mereka tanam adalah bukan geran kawasan pertanian ataupun hanya khas untuk tanaman padi. • Akibatnya, mereka tidak boleh untuk menjual hasil sawit dan perlu bergantung kepada orang ketiga menjualnya. • Caj yang dikenakan kepada mereka adalah 2sen/kilo hasil sawit. • Terdapat juga pemantauan daripada pihak berkuasa menggunakan drone dan apabila mereka ditangkap kerana mempunyai pokok sawit, mereka akan dikurangkan untuk menerima bantuan padi. 	
<p>Harga belian hasil sawit yang tidak tetap</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pesawit Bagan Serai 	<ul style="list-style-type: none"> • Harga berbeza mengikut kuantiti hasil yang dijual. • Pesawit mengatakan apabila hasil buah sawit banyak, harga belian sawit menjadi rendah. Harga sawit tertinggi yang dilaporkan adalah RM1300/tan manakala harga sawit terendah adalah RM260/tan. 	<p><i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan</i></p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Kebiasaannya pesawit boleh mendapatkan harga sekitar RM500-RM600/tan.	
Kos penanaman dan penyelenggaraan sawit yang meningkat	<ul style="list-style-type: none"> • Pesawit di sekitar kawasan Bagan Serai 	<ul style="list-style-type: none"> • Berlakunya peningkatan harga bermula dari penanaman benih, pembersihan, peracunan dan kutipan hasil kepada pesawit. • Pesawit memaklumkan bahawa harga setiap proses menanam sawit itu telah meningkat. • Bermula daripada membeli anak pokok yang kini adalah RM20/pokok dan upah menanam dicas mengikut pokok juga iaitu RM6/pokok. • Dalam proses penyelenggaraan, anggaran racun yang diperlukan adalah segelen untuk satu ekar dan berkos RM60. • Dikatakan kualiti racun telah berkurang yang menyebabkan mereka perlu meletakkan kuantiti yang banyak daripada biasa (dulu hanya 100ml sekarang 200ml) dan menggunakan lebih dari satu racun kerana satu racun hanya mampu merawat satu masalah sawit sahaja. • Harga baja juga semakin mahal dan pesawit kebiasaannya hanya membeli baja 	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan</i>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>berfokus pada buah sahaja. Ada juga pesawit yang menggunakan baja lebih bendang untuk pokok sawit mereka.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Namun tindakan ini tidak dibolehkan oleh pihak berkuasa kerana dianggap mengambil kesempatan atas subsidi baja yang hanya diberikan kepada pesawah. • Terdapat juga pesawit yang telah berumur yang tidak lagi mampu dan terpaksa memberi upah kepada orang lain membantunya. Kos upah dikatakan adalah RM30-RM50/ekar dan mengikut jenis-jenis bantuan. Contohnya, upah menanam anak pokok adalah RM6/pokok. • Pesawit kebanyakannya tidak mempunyai duit yang banyak untuk membeli barang sawit yang baik dan berkualiti. 	
<p>Konflik diantara pesawah dan pesawit menjejaskan pendapatan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pesawah • Pesawit • Sekitar kawasan Bagan Serai 	<ul style="list-style-type: none"> • Disebabkan pendapatan padi yang merosot, pesawah mula bertukar kepada menanam kelapa sawit • Penduduk mula bertukar menanam kelapa sawit di tanah mereka yang bersebelahan dengan tanaman padi. • Keberadaan kelapa sawit di sebelah dengan padi telah menyebabkan 	<p><i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan</i></p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>banyaknya tikus memasuki kawasan padi dan merosakkan padi pesawah.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penduduk pernah menyuarakan rasa tidak puas hati kepada pemilik kelapa sawit itu namun pemilik kelapa sawit menyatakan hak dia sebagai tuan tanah dan bebas membuat keputusan tersebut. 	
<p>Kenaikan harga benih padi 100% dan bekalan benih yang teruk</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pesawah sekitar kawasan Bagan Serai 	<ul style="list-style-type: none"> • Harga benih padi naik melampau dan bekalan benih yang bercampur dengan selain daripada benih padi. • Harga benih padi telah meningkat daripada Rm35 kepada RM65 untuk sekampit benih sekarang. • Masalah benih yang dibeli tidak bersih kerana disyaki bercampur dengan benih rumput. Hal ini kerana, apabila mereka menanam benih tersebut, rumput juga muncul. 	<p><i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan</i></p>
ISU ALAM SEKITAR			
<p>Jalan raya yang beralun</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pengguna jalan raya laluan Alor Pongsu • Jalan raya utama daripada Bagan Serai 	<ul style="list-style-type: none"> • Faktor jenis tanah gambut di Bagan Serai telah menyebabkan infrastruktur jalan raya utama menjadi beralun walaupun baru sahaja diselenggarakan. 	<p>Jabatan Kerja Raya (JKR)</p> <p>Jalan di Alor Pongsu sentiasa diselenggarakan dari masa ke masa. Akan tetapi keadaan struktur tanah gambut menyebabkan jalan mudah</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	menuju ke tol Alor Pongsu	<ul style="list-style-type: none"> • Keadaan struktur tanah pertanian menyebabkan jalan raya utama menjadi beralun • Pembaikan terakhir yang dilakukan adalah selepas PRU ke 15 pada tahun 2023 namun keadaan ini tidak dapat bertahan lama dan tanah ini kembali menjadi beralun. Tiada lubang dan jalan yang pecah dilihat selepas penyelenggaraan. • Keadaan ini menyebabkan kemalangan sering berlaku. Faktor utama yang menambah punca perkara ini adalah kekerapan kenderaan berat menggunakan jalan ini. • Perbezaan ini dapat dilihat kerana jalan di kampung kurang berlaku kerosakan kerana hanya dilalui oleh kenderaan ringan. 	rosak kerana jalan tersebut juga menjadi laluan kepada kenderaan-kenderaan berat.
Kekurangan bekalan air dan ancaman keladi agas di pertanian sawah padi menyebabkan	<ul style="list-style-type: none"> • Sawah padi di sekitar Dun Selinsing dan Dun Gunung Semanggol 	<ul style="list-style-type: none"> • Hasil tuaian sawah padi berkurangan disebabkan bekalan air berkurangan dan peningkatan perosak padi seperti keladi agas. • Faktor utama isu sawah padi adalah tiada bekalan air. Akibat musim kemarau dan kekurangan bekalan air dari empangan 	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan</i>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
hasil tuaian berkurangan		<p>Bukit Merah menyebabkan tanah jemur. Selain itu, isu tikus juga menyebabkan hasil tuaian berkurangan kerana ia merosakkan padi.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Faktor keladi agas iaitu rumpai yang ditumbuh sekeliling padi juga merosakkan padi. Isu ini terjadi lebih kurang dua hingga tiga tahun. 	
Bekalan air berkurangan untuk mengairi kawasan sawah	<ul style="list-style-type: none"> • Pesawah/Petani • Air Kolam Bukit Merah 	<ul style="list-style-type: none"> • Sumber air utama tidak lagi khas untuk mengairi kawasan sawah padi • Air Kolam Bukit Merah yang dulunya khas untuk petani, kini perlu dikongsi bersama dengan industri perkilangan di Kemunting, Kolam Ikan dan sumber minuman penduduk. • Informant melaporkan para pesawah memerlukan 100 hari untuk menakung air dalam sawah dan kegiatan lain seperti kolam ikan dan industri perkilangan menggunakan air setiap hari. • Hal ini menyebabkan petani akhirnya tidak dapat air yang mencukupi untuk membuat takungan. 	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan</i>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<ul style="list-style-type: none"> • Perkara ini telah berlanjutan selama 5 tahun. Aduan telah dilakukan sehingga ke sidang parlimen dan adun. • Antara cadangan yang diberikan adalah untuk melakukan korek pada tanah kolam air tetapi dikuatiri menyebabkan hakisan tanah dan meningkatkan keasidan air kolam. 	
<p>Penjanaan ekonomi sampingan dan kaedah perosak biologi semulajadi terjejas kerana penggunaan bahan kimia</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pesawah/Petani sekitar kawasan Bagan Serai 	<ul style="list-style-type: none"> • Jumlah Ikan sepat semakin berkurangan untuk memakan serangga perosak seperti siput dan memberi pendapatan tambahan penduduk kampung • Orang kampung menangkap ikan seperti ikan sepat untuk dijadikan ikan masin. Hasil jualan ini menjadi pendapatan sampingan mereka. • Selain itu, ikan ini merupakan kaedah biologi terbaik untuk mengawal haiwan perosak yang mengganggu padi seperti serangga dan siput. • Penggunaan bahan kimia seperti racun dan baja dipercayai menjadi punca berkurangnya ikan sepat di sawah. 	<p><i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan</i></p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Gangguan pembuangan air sawah	<ul style="list-style-type: none"> • Petani • Tali Air 515 	<ul style="list-style-type: none"> • Tali air tempat pembuangan air sawah menjadi tersumbat dengan sampah, kayu kayu dan lumut sehingga memberi gangguan kepada aliran air. • Sudah tersekat lebih 2 musim dan aduan telah pun dibuat pada aliran ketua unit pesawah. 	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan</i>
Hakisan yang berlaku di tepi jeti sangat membimbangkan	<ul style="list-style-type: none"> • Nelayan • Jeti Air Putih, Kolam Air Bukit Merah 	<ul style="list-style-type: none"> • Dalam masa setahun, hakisan tepi jeti telah berlaku melebihi 1 meter. • Dalam masa setahun, hakisan ini semakin rakus mengikis tebing tanah berdekatan dengan jeti. • Hakisan ini dikhuatiri akan semakin menghampiri kawasan rumah penduduk. • Informant telah membuat aduan kepada pegawai kanan pada tahun lepas, namun masih tidak diluluskan lagi atas alasan menunggu peruntukan. Informant berharap agar dapat diberikan bantuan batu sangkar untuk menghalang air tasik daripada mengikis tebing jeti ini. 	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan</i>
Kegiatan menangkap ikan secara haram	<ul style="list-style-type: none"> • Nelayan darat • Kolam Bukit Merah 	<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat kegiatan menangkap ikan dilakukan secara haram pada waktu malam. 	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan</i>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<ul style="list-style-type: none"> • Kegiatan ini berlaku semasa para nelayan telah pun tidur. Namun daripada bunyi enjin bot, informant memaklumkan adanya 2-3 biji bot yang boleh mendapat hasil sehingga 100 hingga 300kg semalaman. 	
Pencemaran air kolam Bukit Merah	<ul style="list-style-type: none"> • Nelayan darat • Kolam bahagian Jeti Air Putih 	<ul style="list-style-type: none"> • Antara pencemaran yang berlaku kepada kolam ini adalah apabila racun yang digunakan di ekstek kelapa sawit dan kebun sayur yang mengalir masuk ke dalam tasik setiap kali hujan berlaku. • Begitu juga penggunaan racun serangga yang dulunya pernah memberi kesan kematian ikan yang ketara. • Namun tindakan telah diambil dan kini keadaannya lebih terkawal. • Terdapat beberapa sungai yang mengalir ke kolam ini dan sampah sarap sungai ini akhirnya akan mengalir dan bertemu titik mati di kolam ini. • Selain itu, sampah sarap daripada banjir juga masuk kedalam sungai dan mengalir ke kolam ini. 	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan</i>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Tempat parking sampan yang terhad	Nelayan laut Resort terbengkalai, Jeti Kuala Gula	<ul style="list-style-type: none"> • Jeti Kuala Gula yang menyediakan tempat parking yang sedikit untuk sampan nelayan. • Terdapat hanya 20 tempat untuk sampan nelayan boleh parking dan terdapat 100 orang nelayan yang mempunyai sampan untuk diparking. • Lebih 80 orang nelayan terpaksa memarking sampan mereka di tapak resort kerajaan yang terbengkalai. • Masalah ini telah berlanjutan selama 10 tahun dan aduan telah dimohon daripada LKIM, namun tiada tindakan yang dilakukan. 	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan</i>

3.0 PENGUTAMAAN ISU

PENGUTAMAAN ISU 1: KEKURANGAN BEKALAN AIR UNTUK PROSES PENANAMAN PADI

Permasalahan berkaitan dengan Isu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bekalan air tidak mencukupi untuk proses penanaman padi. 2. Menjejaskan pengairan tanaman padi terutama di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (AIDA) Kerian. 3. Empangan Bukit Merah mengering akibat cuaca panas dan tidak mampu mengairi kawasan bendang secara berjadual.
Cadangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Inisiatif Taman Perindustrian Bersepadu Hijau Kerian (KIGIP). 2. Projek KIGIP akan menyalurkan air mentah dari Sungai Perak ke Empangan Bukit Merah. 3. Menyediakan bekalan air terawat untuk Perak Utara.
Kumpulan Terjejas	<ul style="list-style-type: none"> • Petani / Pesawah
Kawasan	<ul style="list-style-type: none"> • Parit Haji Taib 2 • Tali Air 515 • Sekitar kawasan parlimen Bagan Serai
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG YANG BERKAITAN	SASARAN SDG BERKAITAN
Matlamat 2: Kelaparan Sifar	Sasaran 2.4: Menjelang 2030, memastikan sistem pengeluaran makanan yang mampan dan melaksanakan amalan pertanian berdaya tahan yang meningkatkan produktiviti dan pengeluaran serta membantu mengekalkan ekosistem yang mengukuhkan keupayaan untuk membuat penyesuaian dengan perubahan iklim, cuaca melampau, kemarau, banjir dan bencana lain, serta meningkatkan kualiti tanah-tanah secara progresif

Matlamat 6: Air Bersih dan Sanitasi	Sasaran 6.5: Menjelang 2030, melaksanakan pengurusan sumber air bersepadu pada semua peringkat, termasuk melalui kerjasama rentas sempadan mengikut kesesuaian
Matlamat 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur	Sasaran 9.1: Membangunkan infrastruktur yang berkualiti, boleh dipercayai, mampan dan berdaya tahan, termasuk infrastruktur serantau dan rentas sempadan, untuk menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan manusia, dengan tumpuan kepada mampu milik dan kesaksamaan untuk semua
Matlamat 11: Bandar dan Masyarakat Mampan	Sasaran 11.5: Menjelang 2030, mengurangkan jumlah kematian dan jumlah orang terjejas dengan signifikan dan mengurangkan dengan ketara kerugian ekonomi langsung berbanding keluaran dalam negara kasar global yang disebabkan oleh bencana, termasuk bencana berkaitan air, dengan tumpuan kepada perlindungan golongan miskin dan golongan yang berisiko
Matlamat 13: Tindakan Iklim	Sasaran 13.1: Memperkukuh ketahanan dan keupayaan untuk membuat penyesuaian kepada bahaya berkaitan iklim dan bencana alam di semua negara
Matlamat 17: Kerjasama Demi Matlamat	Sasaran 17.1: Memperkukuh penjanaan sumber dalam negeri, termasuk melalui sokongan antarabangsa kepada negara membangun, bagi meningkatkan keupayaan dalam negeri untuk kutipan cukai dan kutipan hasil lain

PENGUTAMAAN ISU 2: KEKURANGAN INISIATIF UNTUK MEMACU EKONOMI DOMESTIK

Permasalahan berkaitan dengan Isu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kekurangan inisiatif untuk memacu ekonomi domestik dan pembangunan ekonomi setempat. 2. Usaha untuk memajukan ekonomi masih kurang. 3. Kurangnya program dan dasar yang spesifik untuk menggalakkan pembangunan ekonomi setempat. 4. Kurang mendapat sokongan teknologi dan modal untuk meningkatkan produktiviti ekonomi setempat.
--	---

Cadangan	1. Keperluan semakan semula dasar dan polisi berkaitan pembangunan di daerah luar bandar
Kumpulan Terjejas	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk tempatan • Belia
Kawasan	<ul style="list-style-type: none"> • Sekitar kawasan parlimen Bagan Serai
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG YANG BERKAITAN	SASARAN SDG BERKAITAN
Matlamat 1: Tiada Kemiskinan	Sasaran 1.5: Menjelang 2030, membina daya tahan golongan miskin dan berisiko, serta mengurangkan pendedahan dan risiko mereka terhadap peristiwa berkaitan iklim melampau serta kejutan dan bencana ekonomi, sosial dan alam sekitar yang lain
Matlamat 2: Kelaparan Sifar	Sasaran 2.a: Meningkatkan pelaburan, termasuk melalui peningkatan kerjasama antarabangsa di infrastruktur luar bandar, penyelidikan pertanian dan perkhidmatan lanjutan, pembangunan teknologi dan bank gen tumbuhan dan ternakan untuk meningkatkan keupayaan produktif pertanian di negara membangun, khususnya negara kurang membangun
Matlamat 8: Pekerjaan Yang Sesuai dan Pembangunan Ekonomi	Sasaran 8.3: Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, penciptaan pekerjaan yang sesuai, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan bersaiz mikro, kecil dan sederhana, termasuk menerusi akses kepada perkhidmatan kewangan.
Matlamat 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur	Sasaran 9.2: Menggalakkan pengindustrian menyeluruh dan mampan, dan menjelang 2030, menaikkan dengan ketara sumbangan pekerjaan dan keluaran dalam negeri kasar dalam industri, selaras dengan keadaan negara, dan menggandakan sumbangannya di negara kurang membangun.
Matlamat 11: Bandar dan Komuniti Mampan	Sasaran 11.5: Menjelang 2030, mengurangkan jumlah kematian dan jumlah orang terjejas dengan signifikan dan mengurangkan dengan ketara kerugian ekonomi langsung berbanding keluaran dalam negara kasar global yang disebabkan oleh bencana, termasuk

	<p>bencana berkaitan air, dengan tumpuan kepada perlindungan golongan miskin dan golongan yang berisiko</p> <p>Sasaran 11.b: Menjelang 2020, peningkatan dengan ketara jumlah bandar raya dan penempatan manusia yang mengguna pakai dan melaksanakan dasar dan pelan bersepadu ke arah penyertaan, kecekapan sumber, pengurangan dan penyesuaian kepada perubahan iklim, ketahanan kepadabencana, serta membangunkan dan melaksanakan pengurusan risiko bencana yang holistik pada semua peringkat sejajar dengan Rangka Kerja Sendai untuk Pengurangan Risiko Bencana 2015-2030</p>
--	--

PENGUTAMAAN ISU 3: CABARAN DAN ANCAMAN MAKHLUK PEROSAK

Permasalahan berkaitan dengan Isu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pesawah di Bagan Serai menghadapi kerugian besar setiap tahun. 2. Ancaman rumput keladi agas, makhluk perosak seperti tikus dan bena perang, dan padi angin. 3. Masalah padi angin yang disebabkan oleh sejenis virus, yang boleh menjejaskan sehingga 70 peratus hasil padi bagi setiap hektar. 4. Kehadiran padi angin di bendang mengancam hasil padi secara keseluruhan kerana tidak mempunyai sebarang nilai ekonomi.
Cadangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bantuan kewangan atau sokongan yang dapat membantu memulihkan kerugian yang dialami
Kumpulan Terjejas	<ul style="list-style-type: none"> • Petani/pesawah
Kawasan	<ul style="list-style-type: none"> • Sekitar kawasan pertanian padi Bagan Serai
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG YANG BERKAITAN	SASARAN SDG BERKAITAN
Matlamat 1: Tiada Kemiskinan	Sasaran 1.5: Menjelang 2030, membina daya tahan golongan miskin dan berisiko, serta mengurangkan pendedahan dan risiko mereka terhadap peristiwa

	berkaitan iklim melampau serta kejutan dan bencana ekonomi, sosial dan alam sekitar yang lain
Matlamat 2: Kelaparan Sifar	Sasaran 2.3: Menjelang 2030, menggandakan pengeluaran pertanian dan pendapatan pengeluar makanan berskala kecil, terutamanya wanita, peribumi, keluarga petani, ahli pastoral dan nelayan, termasuk melalui akses yang selamat dan sama rata kepada tanah, sumber dan input produktif lain, pengetahuan, perkhidmatan kewangan, pasaran dan peluang bagi penambahan nilai dan pekerjaan bukan perladangan
Matlamat 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur.	Sasaran 9.4: Menjelang 2030, menaik taraf infrastruktur dan industri untuk menjadikannya mampan, dengan meningkatkan kecekapan penggunaan sumber yang lebih baik dan penggunaan proses industri dan teknologi bersih dan mesra alam yang lebih banyak, dengan semua negara mengambil tindakan selaras dengan keupayaan masing-masing.
Matlamat 8: Menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mampan, menyeluruh dan berkekalan, guna tenaga penuh dan produktif serta pekerja yang sesuai untuk semua	<p>Sasaran 8.2: Mencapai tahap produktiviti ekonomi yang lebih tinggi melalui kepelbagaian, penaiktarafan dan inovasi teknologi, termasuk melalui tumpuan kepada sektoryang mempunyai nilai ditambah tinggi dan intensif buruh</p> <p>Sasaran 8.3: Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, penciptaan pekerjaan yang sesuai, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan bersaiz mikro, kecil dan sederhana, termasuk menerusi akses kepada perkhidmatan kewangan</p> <p>Sasaran 8.6: Menjelang 2020, mengurangkan dengan ketara jumlah belia yang bukan dalam pekerjaan, pendidikan atau latihan</p>



APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15



Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

📍 A-1-10, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1,
Seksyen 8, Petaling Jaya, 46050, Selangor

✉️ secretariat@appgm-sdg.com

📘 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

🌐 <https://appgm-sdg.com/>